

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Undi Tidak Percaya terhadap Perdana Menteri yang diusulkan oleh Ahli Parlimen Langkawi tidak boleh dibahas dan dibuat undian di Dewan Rakyat, serta diawalkan sebelum urusan - urusan Kerajaan.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Usul daripada Yang Berhormat Langkawi telah dimasukkan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat bagi Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas. Usul tersebut akan dipertimbangkan selaras dengan Peraturan Mesyuarat 14 dan 15(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Selaras dengan Peraturan Mesyuarat 15(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, pada tiap-tiap hari persidangan mesyuarat, urusan Kerajaan hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain. Sehubungan dengan itu, urusan-urusan lain termasuk usul persendirian hanya akan dibahaskan selepas semua urusan Kerajaan selesai.

Sekian, terima kasih.